



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

ISU PENGGANTUNGAN OPERASI BAS AEROLINE (ZULCO SDN. BHD.) MULAI 6 NOVEMBER HINGGA 5 DISEMBER 2025

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) mengambil maklum laporan media berkaitan **penggantungan operasi bas milik Zulco Sdn. Bhd. (Aeroline)** bermula **6 November hingga 5 Disember 2025**, seperti disiarkan di beberapa portal berita pada 1 November 2025.
2. APAD ingin **menegaskan** bahawa **penggantungan Lesen Pengendali dan Permit Kenderaan** syarikat ini dilaksanakan di bawah **Seksyen 27 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]** kerana syarikat gagal mematuhi syarat lesen yang ditetapkan, khususnya di bawah **Perkara 16 dan Perkara 19, Syarat Am Keperluan Tahap Perkhidmatan (KTP)** Bas Ekspres iaitu :

Perkara 16 Keperluan Tahap Perkhidmatan (KTP) Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam iaitu, iaitu “ Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan yang dilesenkan diletak dan disimpan di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau lokasi yang diluluskan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) semasa tidak beroperasi” .

Perkara 19 “ Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu tidak mengambil dan menurunkan penumpang di kawasan-kawasan membahayakan penumpang dan pengguna jalan yang lain atau tempat-tempat yang dilarang di bawah mana-mana peruntukan perundangan yang sedang berkuat kuasa atau di tempat-tempat yang tidak diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat”



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENCI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA
AGENCI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

3. Hasil pemeriksaan APAD mendapati syarikat ini **menyalahgunakan lesen Bas Ekspres** dengan **mengambil dan menurunkan penumpang di lokasi tidak dibenarkan**. Bas syarikat juga dikesan **beroperasi di luar terminal tanpa kebenaran APAD** pada **3 Februari, 21 Mei dan 10 Oktober 2025**.
4. Syarikat telah **dinasihatkan dan diberi amaran untuk menukar permit perkhidmatan ke terminal yang diluluskan**, namun enggan berbuat demikian. Ekoran itu, APAD telah mengeluarkan **tiga (3) Surat Tunjuk Sebab (STS)** atas kesalahan yang sama antara **13 Mac hingga 10 Oktober 2025**, dan syarikat **mengaku bersalah** melalui maklum balas rasmi yang dikemukakan kepada APAD.
5. Tindakan penggantungan yang telah dikenakan sebelum ini adalah seperti berikut:
 - o Bas Ekspres **VBR8808 dan VH8805** digantung selama **37 hari (3 April – 9 Mei 2025)**;
 - o Bas Ekspres **VH8802** digantung selama **30 hari (24 Julai – 22 Ogos 2025)**.
 - o Pada **21 Oktober 2025**, Mesyuarat Jawatankuasa Penggantungan dan Pembatalan Lesen (JPPL) Bil. 15/2025 mendapati syarikat bersalah atas kesalahan berulang dan mengenakan **penggantungan Lesen Pengendali selama 30 hari (6 November – 5 Disember 2025)**.
6. Sehubungan itu, **Zulco Sdn. Bhd. (Aeroline)** tidak dibenarkan mengendalikan **mana-mana perkhidmatan** di bawah Lesen Pengendali berkenaan sepanjang tempoh penggantungan.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

7. Tindakan ini bertujuan **menjamin keselamatan penumpang**, mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar, serta menyokong usaha pihak berkuasa tempatan termasuk **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** untuk mewujudkan persekitaran bandar yang **teratur, selamat dan efisien**.
8. APAD mengambil keputusan untuk menggantung sementara lesen syarikat bas ini setelah mengenal pasti beberapa isu pelanggaran syarat lesen yang berulang dan memerlukan tindakan pembetulan. Langkah ini bertujuan memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, berkualiti dan mematuhi peraturan untuk manfaat semua pengguna
9. APAD **tidak akan berkompromi** terhadap mana-mana pengendali yang gagal mematuhi peraturan atau menyalahgunakan lesen operasi kenderaan pengangkutan awam. Semua pengendali diingatkan supaya **mematuhi syarat lesen** bagi mengelakkan tindakan tegas termasuk pembatalan Lesen Pengendali.
10. APAD kekal komited dalam memastikan ekosistem pengangkutan awam darat negara **selamat, cekap, berdaya saing dan berteraskan nilai Malaysia MADANI**.

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT
2 NOVEMBER 2025

####



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
 +603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my